

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.11.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Minister of Finance, Inc (MOF) merupakan pihak kepada perjanjian antara 1MDB dengan IPIC pada 28 May 2015. Adakah MOF akan terpaksa membayar gantirugi kepada IPIC jika 1MDB gagal menyerahkan aset bernilai sekurang-kurangnya US\$1 bilion pada 30 Jun 2016.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian bertarikh 28 Mei 2015 adalah suatu kertas terma terikat (*binding term sheet*, dengan izin) di antara 1MDB, IPIC dan Minister of Finance (Incorporated) [MOF (Inc.)].

Pelaksanaan kertas terma terikat ini dijangka akan mengurangkan jumlah hutang 1MDB sebanyak RM16 bilion. Semua pihak di dalam kertas terma tersebut harus mematuhi terma yang telah dipersetujui.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2015
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

SOALAN :-

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan lesen pemaju yang dibeku dan digantungkan oleh Kementerian. Sila nyatakan sebab penggantungan ataupun pembekuan lesen yang dikenakan terhadap setiap syarikat pemaju sejak bulan Jun 2013 sehingga hari ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak pernah membekukan lesen-lesen pemajuan perumahan kepada mana-mana pemaju.

Sehingga kini, hanya 1 lesen pemaju yang pernah digantung pada 14 Mei 2012 kerana didapati pemaju tersebut telah mengemukakan dokumen yang tidak sah kepada KPKT.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN R.SIVARASA
[SUBANG]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN : 36

TUAN R. SIVARASA [Subang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab kita membuat pengumuman pengesahan serpihan-serpihan yang ditemui di Pulau Reunion sebagai sebahagian pesawat MH370 sebelum apa-apa pengesahan daripada pakar-pakar Syarikat Boeing di Perancis dan negara-negara lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ketua Pengarah Penerbangan Awam, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) telah mengetuai Pasukan Pakar Penerbangan Malaysia menghadiri mesyuarat dengan *Judiciary Department of France* dan sesi pengesahan yang diketuai oleh Hakim Mahkamah Perancis bersama Pasukan Pakar Antarabangsa dianggotai oleh wakil dari Perancis (*Bureau d'Enquêtes et d'Analyses*), Amerika Syarikat (*National Transportation Safety Board* dan Boeing), United Kingdom (*Air Accident Investigation Branch*), Singapura (*Air Accident Investigation Bureau*), Australia (*Australian Transport Safety Bureau*), dan China (*Civil Aviation Authority*) masing-masing di Paris dan di Toulouse, Perancis.

Hakim Mahkamah Perancis telah mengetuai sesi pengesahan identiti flaperon bersama-sama dengan Pasukan Pakar Penerbangan yang dilaksanakan di makmal *Direction générale de l'Armement Techniques Aéronautiques* (DGA TA) di Toulouse, Perancis pada 5 Ogos 2015. Sesi pengesahan tersebut telah turut dibantu oleh Ketua Pakar Teknikal Perancis yang dilantik oleh Hakim Mahkamah Perancis.

Setelah menganalisa flaperon tersebut, kebanyakan Pasukan Pakar Antarabangsa telah mengesahkan bahawa serpihan tersebut adalah pesawat jenis Boeing B777 milik MAS MH370 berdasarkan kepada bukti terhadap *temporary repair on the flaperon seal retainer*.

Berdasarkan kepada pemeriksaan fizikal yang dilakukan terhadap flaperon tersebut, adalah didapati bahawa terdapat satu pembaikan sementara (*temporary repair*) yang dilakukan terhadap *flaperon seal retainer* yang mana ini adalah konsisten dengan rekod penyelenggaraan MAS.

Selanjutnya, berdasarkan analisa yang telah dilakukan oleh Pasukan Pakar Antarabangsa, Pasukan Pakar Penerbangan Malaysia telah meneliti dan mengesahkan bahawa serpihan tersebut adalah pesawat jenis Boeing B777 milik MAS MH370. Pengesahan ini juga disokong oleh pemeriksaan fizikal terhadap flaperon tersebut di mana pihak MAS telah mengesahkan bahawa warna flaperon tersebut adalah sama dengan warna pesawat MH370.

Flaperon yang diperiksa di Toulouse, Perancis telah disahkan adalah daripada konfigurasi Flaperon B777. Pemeriksaan Boroscope ke atas spar hadapan, spar belakang & tulang rusuk luar telah menemui tarikh pembuatan yang menandakan ia konsisten dengan tarikh / 'batch' pembuatan pesawat. Selain daripada itu 'seal' yang dipasang pada flaperon tersebut juga mempunyai tanda yang sepadan dengan kumpulan 'seal' dan nombor lot yang telah dipasang pada flaperon MH370.